

Universiti Malaya ke-59 terbaik di dunia

Harian Metro (Akademia) 15/6/2020

Buat julung kalinya, kelima-lima universiti penyelidikan Malaysia menunjukkan peningkatan amat membanggakan berbanding tahun sebelumnya dengan berada dalam kelompok 200 terbaik dunia dan 'Top 1% in the World.'

Lima universiti berkenaan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tersenarai dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021 yang laporannya dikeluarkan baru-baru ini.

UM sekali lagi disenaraikan sebagai 100 universiti terbaik di dunia iaitu pada kedudukan ke-59 berbanding tempat ke-70 pada tahun lalu.

Menurut kenyataan media dikeluarkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), universiti itu disenaraikan dalam kedudukan 100 universiti terbaik sejak 2018 iaitu tujuh tahun lebih awal daripada sasaran, malah terus mengekalkan dan meningkatkan kedudukannya setiap tahun.

"Lima universiti awam lain dan tiga universiti swasta turut menunjukkan peningkatan membanggakan ke kedudukan 550 terbaik dunia iaitu UPM di kedudukan ke-132 (2020: 159), UKM di kedudukan ke-141 (2020: 160), USM di kedudukan ke-142 (2020: 165) diikuti UTM di kedudukan ke-187 (2020: 217) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di kedudukan ke-531-540 (2020: 591-600).

"Bagi universiti swasta, Taylor's University mendahului pada kedudukan ke-379 (2020: 511-520), diikuti oleh UCSI University pada kedudukan 391 (2020: 442) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada kedudukan 439 (2020: 482)," kata sumber dari kenyataan itu.

Pada siri penarafan kali ini, 20 universiti tempatan tersenarai iaitu 12 universiti memperbaiki kedudukan berbanding tahun lalu, enam universiti mengekalkan kedudukan dan dua universiti jatuh dari kedudukan tahun lalu.

Terdapat 11 lagi institusi pendidikan tinggi tempatan (awam dan swasta) disenaraikan dalam senarai Top 1,000 QS World University Rankings 2021 iaitu Management and Science University (MSU), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sunway University, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dan Multimedia University (MMU).

Selain itu, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pencapaian berkenaan adalah kejayaan terbaik negara setakat ini dan membuktikan bahawa hala tuju pendidikan tinggi negara berada pada landasan yang betul dalam menyediakan institusi pendidikan tinggi berkualiti dan cemerlang sejajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPMPT).

Kejayaan itu akan terus menempatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di rantau ini, sekali gus dapat membantu institusi dalam menjalinkan kerjasama dengan penyelidik terkemuka dunia.

Malah QS turut menyatakan Malaysia antara negara yang menunjukkan peningkatan terbaik dalam penarafan kali ini dengan sistem pendidikannya diiktiraf dalam kalangan ahli akademik dan majikan pada peringkat antarabangsa.